

## PELAKSANAAN MODUL KESOPANAN TERHADAP SALAH LAKU KURANG SOPAN MURID SEKOLAH MENENGAH

Implementation of Courtesy Module on Misbehaviour Secondary School Students

Phyllis Wong J.N. & Aslina Ahmad  
Sultan Idris Education University

\*Corresponding author: aslina.ahmad@fpm.upsi.edu.my

### Abstrak

Modul Kesopanan telah dibina oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Namun, masalah ketidaksopanan dalam kalangan murid sekolah menengah masih lagi berleluasa. Oleh itu, kajian tindakan telah dijalankan bagi menambahbaik Modul Kesopanan dengan merujuk teori yang bersesuaian serta mendapatkan persepsi murid tentang penggunaan modul yang dicadangkan. Kajian ini menggunakan reka bentuk proses Model Kajian Tindakan *Kimmes*. Sampel kajian terdiri daripada 10 orang (6 lelaki dan 4 perempuan) murid tingkatan 1 hingga 5 yang dipilih secara bertujuan di sebuah Sekolah Menengah di daerah Beaufort. Instrumen yang digunakan dalam kajian tindakan ini melibatkan 4 kaedah pengumpulan data iaitu rekod kes disiplin, pemerhatian, ujian pra dan pos, dan temubual berstruktur untuk melihat keberkesanan pelaksanaan modul selepas tempoh 3 minggu. Data yang diperolehi adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif telah dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Office Excel 2007*, yang melibatkan analisis data statistik, manakala data kualitatif dianalisis menggunakan cara manual. Hasil kajian ini jelas menunjukkan telah dapat melihat isu yang timbul daripada penggunaan modul kesopanan yang dibina oleh pihak KPM dan telah ditambahbaik dengan penerapan Teori Kesopanan dan Teori Tingkah Laku yang difikirkan sesuai. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa pelaksanaan modul kesopanan yang telah ditambahbaik dapat mengurangkan kekerapan salah laku kurang sopan murid, meningkatkan disiplin diri murid dalam melakukan perubahan sikap dan tingkah laku ke arah lebih positif, dan juga meningkatkan kesedaran murid-murid tentang kepentingan amalan kesopanan dalam kehidupan seharian, serta disokong oleh respons persepsi yang positif terhadap penggunaan modul dalam intervensi yang dijalankan.

**Kata Kunci:** Modul Kesopanan, Salah Laku Kurang Sopan, Murid Sekolah Menengah

### Abstract

*This study was conducted to improve the module that was issued by the Ministry of Education (MOE). Besides, this study aimed to seek for the appropriate theory to apply as an enhancement of courtesy module and also the effectiveness on the implementation of the module to change students' irreverent misconduct. This study was also done to determine students' perceptions on the use of the proposed modules. This study utilized the design of Kimmes Action Research Model process. The sample consisted of 10 Form 1 to 5 students selected purposively (6 males and 4 females) at one of the secondary schools in Beaufort. The instrument used in this study involves four data collection methods, namely disciplinary case record, observation, pre and post tests, and structured interviews to evaluate the effectiveness of the module after a period of 3 weeks. The data obtained was quantitative and qualitative. Quantitative data was analyzed using Microsoft Office Excel 2007, which involves the analysis of statistical data, while qualitative data were analyzed using the manual method. These findings showed the issues that arise from the use of courtesy module built by the MOE and has been improved with the application of Politeness Theory and Behavioral Theory that considered appropriate. This study also showed that the implementation of the courtesy module that has been improved can reduce the frequency of students' irreverent misconduct, improve self-discipline of students, changed their attitudes and behavior, and also raise awareness of the students about the importance of modesty in everyday life, which was supported by positive responses on the modules of the intervention that was carried out.*

**Keywords:** Courtesy Module, irreverent misconduct, Secondary School Students

## **PENGENALAN**

Salah satu cabaran negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Bagi merealisasikan aspirasi negara, kemantapan dan kemurnian sistem pendidikan negara merupakan asas penting. Hasrat ini terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005). Pembangunan sahsiah murid merupakan satu elemen penting yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara. Begitu juga yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut menterjemahkan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merencanakan pendidikan seimbang sebagai asas mencapai aspirasi murid. Antara elemen utama untuk mencapai aspirasi murid yang ditekankan ialah aspek sahsiah, nilai dan kerohanian. Bagi memenuhi aspek ini murid perlulah mempunyai pegangan agama yang kuat dan penghayatan nilai yang tinggi serta mendukung standard moral yang tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan, 2013-2025).

Murid merupakan aset penting dan bakal pewaris kepemimpinan negara. Mereka perlu berilmu, berdisiplin dan berkualiti agar menjadi insan sempurna yang akan dapat mencurah khidmat bakti kepada masyarakat dan negara. Disiplin memainkan peranan yang penting ke arah pembentukan sahsiah para murid (Puspa Devi, 2015). Ia adalah salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan yang berkait rapat berkenaan tata tertib, tatasusila, keadaan, akhlak dan kesopanan. Perkataan disiplin merupakan satu perkara yang begitu sinonim dalam kehidupan kita seharian, dan juga membawa pengertian yang begitu luas sama ada pengertian yang negatif ataupun pengertian yang positif. Walau bagaimanapun, pengertian negatifnya yang sering menjadi tumpuan dan menjadi satu isu yang amat popular jika ia melibatkan individu atau kumpulan yang rapat dengan masyarakat. K.Shoba (2007) menyatakan disiplin menjadi satu kawalan sosial bagi mewujudkan suasana yang tenteram di sekolah supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan lancar. Bagi masyarakat di luar sekolah, disiplin adalah asas penting bagi membentuk kerukunan hidup selaras dengan norma, nilai dan aspirasi negara. Guru adalah golongan yang perlu memupuk disiplin semasa murid-murid berada di sekolah, manakala ibu bapa dan masyarakat perlu memupuk disiplin semasa murid-murid berada di luar sekolah.

Sejak kebelakangan ini berlakunya peningkatan kadar masalah disiplin murid di sekolah secara mendadak yang bukan sahaja menjejaskan pembelajaran dan prestasi murid tetapi juga kecemerlangan sekolah secara berterusan (Puspa Devi, 2015). Isu-isu berkaitan dengan masalah disiplin di kalangan murid sekolah sering diperkatakan masa kini dan menjadi fokus pihak media massa. Masalah disiplin yang melibatkan para murid sekolah menengah begitu ketara dan keadaan ini amat meresahkan para ibu bapa serta masyarakat umum seluruhnya. Dalam tempoh tiga tahun yang lepas, laporan statistik mengenai salah laku disiplin murid di salah sebuah Sekolah Menengah Daerah Beaufort, Sabah telah didapati meningkat seperti data bilangan kes salah laku disiplin murid yang didapati dari unit disiplin sekolah dalam Jadual 1.1.

**Jadual 1.1** Bilangan Kes Salah Laku Disiplin Murid (2014 - 2016)

Bil	Jenis Salah Laku	Bilangan Kes			Kadar
		2014	2015	2016	
1.	Kekemasan Diri	9	42	9	Meningkat/Menurun
2.	<i>Kurang Sopan/Biadab</i>	9	23	37	<i>Meningkat</i>
3.	Vandalisme	5	2	3	Menurun/Meningkat
4.	Tiada Dalam Senarai	33	53	6	Meningkat/Menurun
5.	Rokok	17	33	2	Meningkat/Menurun
6.	Tingkah Laku Jenayah	9	7	10	Menurun/Meningkat
7.	Ponteng	43	127	71	Meningkat/Menurun
8.	Kenakalan	5	12	27	Meningkat
9.	Tidak Pentingkan Masa	26	32	6	Meningkat/Menurun
10.	Tingkah Laku Lucah	0	6	1	Meningkat/Menurun
11.	Buli	0	1	6	Meningkat
12.	Tidak Amanah	0	0	14	Meningkat
Jumlah keseluruhan		156	338	186	Meningkat/Menurun

Sumber: Unit Disiplin salah sebuah Sekolah Menengah Daerah Beaufort, Sabah

Berdasarkan Jadual 1.1, data bilangan kes salah laku disiplin murid menunjukkan peningkatan kes disiplin dalam tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2014 hingga tahun 2016 bagi 4 daripada 12 jenis salah laku secara keseluruhan. Salah satu jenis salah laku yang amat ketara dan mencetuskan kebimbangan ialah salah laku kurang sopan yang mencatatkan peningkatan tertinggi bilangan murid seramai 28 orang berbanding salah laku kenakalan seramai 22 orang yang berada di kedudukan peningkatan kedua tertinggi sepanjang tempoh tersebut.

Kemerosotan disiplin khususnya sikap dan tingkah laku kurang sopan yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah ini agak membimbangkan dan akan menjadi kritikal sekiranya tidak dibendung pada peringkat awal lagi. Sehubungan dengan itu, semua pihak terutama para ibu bapa, guru-guru dan masyarakat perlu prihatin dan harus menggembelng tenaga untuk memastikan salah laku kurang sopan murid dapat ditangani supaya tidak terus menular. Sering timbul persoalan dalam pemikiran penyelidik yang juga merupakan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah ini “Adakah saya tidak menggunakan sepenuhnya kaedah yang berpotensi untuk membentuk manusia (*humanizing human*)? Atau saya masih tidak menemui kaedah yang saya kuasai dan dapat memberi impak positif ke dalam kehidupan murid?

## FOKUS KAJIAN

Setelah menjalankan pemerhatian dan perbincangan dengan rakan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK), penyelidik terpenggil untuk mengambil tindakan susulan dengan merancang dan melaksanakan intervensi yang sesuai sebagai langkah awal pencegahan bagi membantu murid-murid yang terlibat dalam kes salah laku kurang sopan mendapat bimbingan yang berterusan untuk membuat perubahan terhadap sikap dan tingkah laku ke arah perkembangan yang lebih positif. Kajian-kajian lepas banyak dijalankan melihat kepada masalah disiplin secara umum iaitu kurang berfokus kepada masalah disiplin yang khusus dalam sesebuah sekolah (K.Shoba, 2007; Aslina Ahmad, 2013; Puspa Devi, 2015). Malahan, intervensi (Modul Kesopanan) yang pernah dijalankan sebelum ini tidak memberi kesan yang ketara dalam usaha membantu murid untuk berubah. Dengan demikian, intervensi iaitu Modul Kesopanan yang telah ditambahbaik yang dijalankan ini dijangka dapat mengurangkan kes salah laku kurang sopan dalam kalangan murid di salah sebuah sekolah menengah dalam Daerah Beaufort, Sabah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

### **Objektif Umum**

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk menambahbaik intervensi atau modul kesopanan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

### **Objektif Khusus**

Secara khususnya, objektif kajian tindakan ini adalah seperti berikut:

1. Untuk melihat isu dalam menangani murid yang terlibat salah laku kurang sopan dengan menggunakan modul kesopanan yang dibina oleh pihak KPM.
2. Untuk melihat teori yang sesuai untuk diterapkan dalam modul kesopanan yang dibina oleh pihak KPM.
3. Untuk melihat keberkesanan pelaksanaan modul kesopanan yang telah ditambahbaik terhadap;
  - 3.1 Pengurangan kekerapan salah laku kurang sopan murid
  - 3.2 Peningkatan disiplin diri murid dalam melakukan perubahan sikap dan tingkah laku ke arah lebih positif
  - 3.3 Peningkatan kesedaran murid-murid tentang kepentingan amalan kesopanan dalam kehidupan seharian.
4. Untuk mengetahui persepsi murid tentang penggunaan modul yang dicadangkan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian tindakan yang dijalankan mengikut proses Model Kajian Tindakan *Kemmis*. Populasi kajian ini terdiri daripada 25 orang murid yang dikenal pasti terlibat dengan kes salah laku kurang sopan dalam kalangan murid-murid tingkatan 1 hingga 5, di salah sebuah Sekolah Menengah Daerah Beaufort, Sabah. Murid-murid tersebut dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dalam kajian ini kerana ia dapat memenuhi kriteria tujuan penyelidikan dijalankan dan mempunyai latar belakang yang berbeza. Persampelan ini juga dilakukan untuk memastikan sub kumpulan daripada populasi murid dapat mewakili variasi maklumat dalam kajian tindakan ini.

### **Tinjauan Awal**

Dalam melaksanakan kajian ini, sampel murid seramai 10 orang telah dipilih secara bertujuan iaitu menerusi rujukan yang dibuat oleh guru disiplin dan mempunyai rekod kes salah laku kurang sopan di tahap sederhana dan berat (Surat Amaran 1-3), skor yang diperolehi dalam ujian pra yang dijalankan, pemerhatian serta temu bual sebelum sesi bimbingan atau kaunseling dijalankan. Kumpulan sasaran yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 6 orang murid lelaki dan 4 orang murid perempuan yang juga merupakan murid-murid tingkatan 1 hingga 5. Mereka adalah berbangsa Melayu (2 orang), Cina (2 orang) dan Bumiputera Sabah (6 orang). Tinjauan awal mendapati isu tidak mempunyai penerapan teori kaunseling telah dikenalpasti oleh penyelidik selepas menjalankan program pembangunan sahsiah dan disiplin murid dengan menggunakan modul kesopanan KPM dalam menangani salah laku kurang sopan murid. Impak daripada pelaksanaan intervensi tersebut, hanya terdapat perubahan yang agak kecil dalam beberapa kes salah laku kurang sopan. Namun, secara umumnya laporan statistik mengenai salah laku disiplin murid iaitu khusus bagi bilangan kes salah laku kurang sopan menunjukkan peningkatan dalam tempoh 3 tahun.

## **Perancangan**

Setelah mengenalpasti masalah intervensi atau modul kesopanan KPM yang dilaksanakan kurang memberangsangkan. Maka, penyelidik membuat perancangan untuk menjalankan program pembangunan sahsiah dan disiplin murid dengan menggunakan modul kesopanan KPM yang telah ditambahbaik dengan menerapkan Teori Kesopanan dan Teori Tingkah Laku bagi memantapkan lagi pelaksanaan intervensi tersebut. Kajian tindakan ini melibatkan 4 kaedah pengumpulan data iaitu rekod kes salah laku kurang sopan murid, pemerhatian, ujian pra dan pos, dan temubual berstruktur. Penyelidik menggunakan rekod kes salah laku kurang sopan dalam melihat kekerapan subjek melakukan dan mengulangi salah laku kurang sopan. Di samping itu, instrumen pemantauan yang dilampirkan dalam modul kesopanan juga digunakan dan diisi oleh guru disiplin sebagai data pemerhatian ke atas perubahan sikap dan tingkahlaku murid yang terlibat. Manakala kaedah ujian pra dan pos yang dijawab adalah untuk melihat tahap kesedaran murid-murid tentang kepentingan amalan kesopanan dalam kehidupan seharian iaitu melalui perbandingan skor sebelum dan selepas pelaksanaan modul kesopanan yang ditambahbaik. Seterusnya, kaedah temubual berstruktur digunakan untuk mendapatkan persepsi murid terhadap penggunaan modul yang dicadangkan. Kaedah pengumpulan dan penganalisan data kajian ini dilakukan secara kuantitatif dan analisis temu bual (kualitatif). Walau bagaimanapun analisis utama dalam kajian ini merupakan analisis kuantitatif, manakala analisis temu bual (kualitatif) adalah sebagai sokongan atau sebagai triangulasi data kuantitatif. Oleh itu, data kualitatif diperoleh daripada 2 orang subjek kajian terpilih dengan menggunakan soalan temu bual berstruktur yang dibina hasil daripada perbincangan antara penyelidik, Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dengan penyelia.

## **Pelaksanaan atau Tindakan**

Sebelum melaksanakan apa yang dirancang, modul kesopanan yang ditambahbaik terlebih dahulu diberikan kepada dua pakar untuk diteliti dan disemak kesesuaiannya. Salah seorang pakar tersebut merupakan Profesor Madya dalam bidang Bimbingan dan kaunseling manakala seorang lagi pakar merupakan Kaunselor Organisasi Daerah juga dalam bidang yang sama. Kedua-dua pakar ini bersetuju dan membuat kesahan kandungan modul kesopanan KPM yang diterapkan dengan teori kesopanan dan teori tingkah laku bagi mengubah salah laku kurang sopan, di samping memberikan beberapa cadangan untuk pengubahsuaian. Selain itu, modul kesopanan juga telah diberikan kepada tiga orang Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa yang berdaftar daripada beberapa buah sekolah yang mempunyai pengalaman 7-10 tahun dalam bidang bimbingan dan kaunseling, dan juga sedang mengikuti program Ijazah Sarjana dalam bidang yang sama. Berdasarkan maklum balas yang diberikan mereka semua berpuas hati dengan modul yang ditambahbaik, berpandangan modul ini baik dan dapat membantu murid. Walau bagaimanapun mereka telah memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan lagi kesan modul. Begitu juga dengan soalan temu bual struktur yang dibina telah disemak dan difikirkan sesuai dengan tema.

Seterusnya, semua murid yang dirujuk atas kes salah laku kurang sopan dijemput untuk menduduki ujian pra. Setelah selesai menduduki ujian pra, penyelidik mengumpul kertas ujian pra dan membuat analisis data bagi membuat pemilihan sampel bertujuan seperti yang ditetapkan. Intervensi menggunakan modul kesopanan yang telah ditambahbaik dan diterapkan teori-teori dilaksanakan mengikut perancangan yang telah diatur iaitu berbentuk program sehari. Sesudah aktiviti seharian selesai, tempoh pelaksanaan tindakan atau aktiviti susulan dipanjangkan sehingga 3 minggu, antara bulan April 2017 hingga bulan Mei 2017. Selepas tamat tempoh tindakan susulan, semua responden dijemput dan menduduki ujian pasca. Kemudian, penyelidik mengumpul kertas ujian pos dan membuat analisis data. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan rekod kes salah laku kurang sopan murid, laporan pemerhatian daripada pemantauan guru disiplin, data daripada sesi temu bual berstruktur 2 subjek kajian terpilih untuk dianalisis menjadi dapatan yang

bersesuaian dengan tujuan dan objektif kajian ini. Kaedah temu bual berstruktur di dalam kajian ini merupakan interaksi bersemuka antara subjek kajian dengan penyelidik.

### **Pemerhatian**

Selepas tamat tempoh intervensi selama 3 minggu, perubahan salah laku kurang sopan murid dikenal pasti menerusi skor ujian pra dan pos, rekod kes salah laku kurang sopan murid, dapatan instrumen pemantauan oleh guru disiplin, dan temu bual berstruktur. Data yang diperoleh daripada kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif telah dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Office Excel 2007*, yang melibatkan analisis data statistik. Sementara data kualitatif dianalisis menggunakan cara manual. Analisis data statistik digunakan untuk menghuraikan tentang profil subjek kajian secara menyeluruh seperti jantina, tingkatan dan bangsa. Statistik yang digunakan ialah kekerapan dan peratusan untuk melihat kekerapan murid melakukan salah laku kurang sopan yang direkodkan. Selain itu, laporan pemerhatian daripada instrumen pemantauan yang diisi oleh guru disiplin juga dianalisis dalam bentuk skor atau tahap perubahan sikap dan tingkah laku yang ditetapkan. Seterusnya, data yang didapati dari ujian pra dan pos juga dianalisis dan dibentangkan dalam perbandingan skor atau tahap kesedaran murid-murid tentang kepentingan amalan kesopanan sebelum dan selepas pelaksanaan modul kesopanan yang ditambahbaik dan diterapkan teori-teori kesopanan serta tingkah laku.

Analisis data kualitatif dijalankan untuk memperkukuh hasil kajian. Data kualitatif telah dipungut menggunakan kaedah temu bual berstruktur dan kategori data dianalisis secara manual. Dalam konteks kajian ini, analisis data secara kualitatif adalah berdasarkan konsep yang diperkenalkan oleh Miles dan Huberman (1994). Langkah pertama yang dilakukan penyelidik adalah dengan menyalin pita audio dalam bentuk tulisan transkrip atau melibatkan proses transkripsi data verbatim. Kemudian penyelidik membuat saringan terhadap data tersebut dengan memberikan indeks/kod. Setelah diberikan indeks/kod, penyelidik perlu memahami data tersebut dengan meneliti perkara yang dinyatakan oleh subjek kajian, makna data tersebut kepada penyelidik dan kesesuaian data tersebut dengan objektif kajian. Oleh itu, bagi memudahkan analisis setiap baris transkripsi diberikan kod dan petunjuk tema yang berkaitan dengan kajian. Dalam proses menganalisis data kualitatif, penyelidik menggunakan tema persepsi murid terhadap penggunaan modul kesopanan sebagai asas.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Bahagian Satu (Dapatan Soalan Kajian Pertama)**

Apakah isu dalam menangani murid yang terlibat salah laku kurang sopan dengan menggunakan modul kesopanan yang dibina oleh pihak KPM?

Pemerhatian dan perbincangan bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa Sekolah Menengah telah dilakukan untuk mengupas isu-isu yang timbul dalam menangani murid yang terlibat salah laku kurang sopan dengan menggunakan modul kesopanan sedia ada yang dibina oleh pihak KPM dalam kitaran pertama semasa proses mengenal pasti masalah. Dapatan daripada perbincangan tersebut, isu yang dikenal pasti adalah bilangan kes salah laku kurang sopan murid semakin meningkat secara umumnya walaupun terdapat perubahan kecil bagi beberapa kes ringan, iaitu merujuk kepada data bilangan kes salah laku disiplin murid (2014 - 2016) yang diperoleh dari unit disiplin sekolah. Namun, andaian tidak mempunyai penerapan teori kaunseling pada modul kesopanan KPM telah hangat dibincangkan dalam kalangan Guru-guru Bimbingan dan Kaunseling. Justeru, ianya menjadi isu utama bagi penyelidik untuk menjalankan tindakan susulan dalam kitaran seterusnya.

### **Bahagian Dua (Dapatan Soalan Kajian Kedua)**

Apakah teori yang sesuai untuk diterapkan dalam modul kesopanan yang dibina oleh pihak KPM?

Sebelum pelaksanaan intervensi atau modul tersebut, sesi perbincangan telah diadakan di antara penyelidik dengan Guru-guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa Sekolah Menengah. Di samping itu, penyelidik juga membuat beberapa rujukan kajian lepas mengenai teori kesopanan dan teori tingkah laku serta kesannya terhadap perubahan tingkahlaku. Setelah penambahbaikan modul dengan penerapan teori-teori dilakukan, tindakan penyemakan dan kesahan kandungan modul dibuat oleh dua pakar dalam bidang bimbingan dan kaunseling, berserta dengan tiga orang Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa yang telah berdaftar. Dapatan daripada pelaksanaan modul kesopanan yang ditambahbaik telah dapat memperlihatkan perubahan tingkah laku subjek kajian ke arah yang lebih positif, justeru boleh diputuskan bahawa penerapan Teori Kesopanan dan Teori Tingkah Laku dalam modul kesopanan KPM adalah sesuai dalam konteks kajian ini yang berfokus kepada salah laku kurang sopan murid.

### **Bahagian Tiga (Dapatan Soalan Kajian Ketiga)**

Sejauh manakah kesan pelaksanaan modul kesopanan yang telah ditambahbaik terhadap pengurangan kekerapan salah laku kurang sopan murid, peningkatan disiplin diri murid dalam melakukan perubahan sikap dan tingkah laku positif, serta kesedaran murid-murid tentang kepentingan amalan kesopanan?

#### Soalan Kajian Ketiga (Sub Soalan Yang Pertama)

Dapatan sub soalan pertama iaitu melihat keberkesanan pelaksanaan modul kesopanan yang telah ditambahbaik terhadap pengurangan kekerapan salah laku kurang sopan murid telah diperoleh dengan merujuk kepada rekod kes salah laku kurang sopan responden sebelum dan selepas mengikuti program pembangunan sahsiah dan disiplin murid dengan menggunakan modul kesopanan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang telah ditambahbaik dan diterapkan Teori Kesopanan dan Teori Tingkah Laku. Data rekod kes murid yang telah diberikan dapat dilihat kadar perubahan bilangan kes setiap responden seperti Jadual 4.1

**Jadual 4.1** Bilangan Kes Salah Laku Kurang Sopan Responden

<b>Bil.</b>	<b>Responden</b>	<b>Tingkatan</b>	<b>Bulan April (Sebelum)</b>	<b>Bulan Mei (Selepas)</b>	<b>Peratus Pengurangan</b>
1.	L1	1	13	7	46%
2.	L2	1	11	5	55%
3.	L3	2	9	3	67%
4.	L4	3	10	5	50%
5.	L5	4	8	3	62%
6.	L6	5	15	10	33%
7.	P7	1	7	2	71%
8.	P8	1	7	3	57%
9.	P9	2	10	4	60%
10.	P10	3	14	6	57%

Soalan kajian ketiga (sub soalan yang pertama) telah dijawab berdasarkan bilangan kes salah laku kurang sopan murid yang terlibat dalam kajian ini. Seramai 10 orang telah menjalani intervensi dan semua menunjukkan pengurangan kekerapan salah laku kurang sopan direkodkan dan juga telah dianalisis dalam bentuk peratusan. Peratus pengurangan kes salah laku kurang sopan tertinggi ialah 71% (responden P7), manakala peratus pengurangan terendah adalah sebanyak 33% (responden L6). Ini menunjukkan dengan pelaksanaan modul kesopanan KPM yang telah ditambahbaik dan diterapkan Teori Kesopanan dan Teori Tingkah Laku berkesan mengurangkan kekerapan salah laku kurang sopan murid.

### Soalan Kajian Ketiga (Sub Soalan Yang Kedua)

Untuk menjawab sub soalan kedua yang bertujuan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan modul kesopanan yang telah ditambahbaik terhadap peningkatan disiplin diri murid dalam melakukan perubahan sikap dan tingkah laku positif, dapatan data laporan pemerhatian daripada instrumen pemantauan yang dilengkapkan oleh guru disiplin ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 4.2.

**Jadual 4.2** Dapatan Instrumen Pemantauan (Dilengkapkan oleh Guru Disiplin)

Bil.	Responden	Tingkatan	Skor	Perubahan tingkah laku
1.	L1	1	6	Sederhana
2.	L2	1	7	Tinggi
3.	L3	2	7	Tinggi
4.	L4	3	6	Sederhana
5.	L5	4	8	Tinggi
6.	L6	5	5	Sederhana
7.	P7	1	8	Tinggi
8.	P8	1	8	Tinggi
9.	P9	2	8	Tinggi
10.	P10	3	6	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.2 menunjukkan skor dan tahap perubahan tingkah laku setiap responden yang dilaporkan. Seramai 6 orang responden memperlihatkan perubahan tingkah laku di tahap tinggi iaitu di antara skor 7-10, yang menjelaskan murid tersebut menunjukkan kesopanan diri, bertanggungjawab, nilai harga diri dan rasional yang tinggi. Manakala, 4 orang responden lagi menunjukkan perubahan tingkah laku di tahap sederhana iaitu dalam lingkungan skor 4-6. Hal ini membuktikan pelaksanaan modul kesopanan yang telah ditambahbaik dapat meningkatkan disiplin diri murid dalam melakukan perubahan sikap dan tingkah laku positif.

### Soalan Kajian Ketiga (Sub Soalan Yang Ketiga)

Sub soalan ketiga adalah untuk melihat keberkesanan pelaksanaan modul kesopanan yang telah ditambahbaik terhadap peningkatan kesedaran murid-murid tentang kepentingan amalan kesopanan dalam kehidupan seharian. Sub soalan ini telah dijawab menerusi ujian pra dan ujian pos iaitu sebelum dan selepas intervensi dijalankan. Dapatan data telah dianalisis dan dibentangkan seperti jadual 4.3 berikut:

**Jadual 4.3** Dapatan Ujian Pra dan Pos

Bil.	Responden	Tingkatan	Ujian Pra	Ujian Pos	Perubahan Nilai Diri
1.	L1	1	30	42	Sederhana / Positif
2.	L2	1	35	42	Sederhana / Positif
3.	L3	2	38	44	Sederhana / Positif
4.	L4	3	29	42	Sederhana / Positif
5.	L5	4	37	44	Sederhana / Positif
6.	L6	5	26	38	Sederhana / Positif
7.	P7	1	43	53	Tinggi / Positif
8.	P8	1	42	49	Tinggi / Positif
9.	P9	2	37	46	Tinggi / Positif
10.	P10	3	28	35	Sederhana / Positif

Merujuk kepada Jadual 4.3 di atas, hasil ujian pra dan ujian pos yang diperoleh dan dianalisis daripada setiap responden menunjukkan peningkatan skor yang agak besar walaupun tidak memperlihatkan perubahan tahap yang ketara bagi 7 orang responden yang berada di tahap perubahan yang sama iaitu sederhana, dan sebaliknya 3 orang pula menunjukkan perubahan tahap daripada sederhana kepada tinggi. Namun berdasarkan peningkatan skor, setiap subjek kajian telah menunjukkan perubahan nilai diri ke arah yang positif. Oleh itu, pelaksanaan modul kesopanan



yang telah ditambahbaik mampu dan berkesan meningkatkan kesedaran murid-murid tentang kepentingan amalan kesopanan dalam kehidupan seharian. Keadaan ini dapat disokong melalui usaha hasil aktiviti atau tindakan susulan yang dijalankan iaitu intervensi mengumpul tandatangan atas bintang (Kad Token Tingkah Laku Sopan) yang difikirkan boleh mendorong subjek kajian untuk mengamalkan amalan kesopanan secara perlahan-lahan. Dapatan Token Tingkah Laku Sopan disertakan sebagai maklumat sokongan dalam Jadual 4.4.

**Jadual 4.4** Dapatan Token Tingkah Laku Sopan (3 Minggu)

Bil.	Responden	Tingkatan	Jumlah Bintang Terkumpul
1.	L1	1	8
2.	L2	1	10
3.	L3	2	12
4.	L4	3	11
5.	L5	4	12
6.	L6	5	6
7.	P7	1	12
8.	P8	1	12
9.	P9	2	10
10.	P10	3	5

Berdasarkan Jadual 4.4 dapat dilihat semua subjek kajian mempunyai kesedaran tentang kepentingan amalan kesopanan dan berinisiatif untuk melakukan perubahan tingkah laku ke arah yang lebih positif sepanjang tempoh yang diberikan walaupun tidak semua mencapai sasaran maksimum sebanyak 12 bintang yang dikehendaki untuk mendapat sijil anugerah pelajar contoh disebabkan jangka masa susulan yang agak pendek.

#### **Bahagian Empat (Dapatan Soalan Kajian Keempat)**

Apakah persepsi murid tentang penggunaan modul yang dicadangkan?

Data daripada sesi temu bual berstruktur 2 subjek kajian terpilih (L6-Tingkatan 5 dan P9-Tingkatan 2) telah diambil dan dianalisis menjadi dapatan yang bersesuaian dengan tujuan dan objektif kajian. Kaedah temu bual berstruktur ini adalah interaksi bersemuka antara subjek kajian dengan penyelidik. Soalan temu bual berstruktur yang telah dipersetujui untuk digunakan dalam kajian ini oleh beberapa Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) adalah seperti dinyatakan dalam jadual 4.5 berikut:

**Jadual 4.5** Dapatan Transkrip Temu bual Berstruktur

Soalan	Respons Subjek Kajian	Kod
1	Apakah pendapat anda tentang penggunaan modul kesopanan dalam intervensi atau program yang disertai? Memberi kesan yang positif, tidak memberi apa-apa kesan pada diri, atau lain-lain pendapat.  L6 : Pada pendapat saya, modul program ini dapat memberi kesan yang positif pada diri saya...  P9 : Saya fikir modul ini bagus...dan memberi kesan positif pada saya untuk cuba berubah...  <u>Petunjuk Kod:</u> Kod A. Memberi kesan yang positif (2) B. Tidak memberi apa-apa kesan pada diri C. lain-lain pendapat.	(A)  (A)
2	Adakah anda belajar sesuatu dari intervensi atau program yang dijalankan? Ya, saya belajar banyak perkara, atau tidak, saya tidak dapat belajar apa-apa.  L6 : Em...ya cikgu, saya banyak belajar dalam aktiviti yang dijalankan seperti kena dengar arahan guru...	(A)

	<p>P9 : Iya cikgu...saya belajar untuk lebih sopan, tidak berbahasa kasar dengan rakan dan lain-lain lagi...banyak...</p> <p><u>Petunjuk Kod:</u> Kod A. Ya, saya belajar banyak perkara (2) B. Tidak, saya tidak dapat belajar apa-apa.</p>	(A)
3	<p>Apakah yang mendorong anda untuk lebih positif dalam tingkah laku? Kawan, ibu bapa, guru-guru, intervensi / program</p> <p>L6 : Saya rasa intervensi atau program yang memberi dorongan pada saya untuk mengubah tingkah laku yang tidak sopan. Dan....teguran guru-guru juga membantu...</p> <p>P9 : Selepas menjalani intervensi dan aktiviti susulan, saya rasa terdorong untuk berubah dan bertingkah laku positif atau bersopan, terutama apabila saya dapat mengumpul bintang...</p> <p><u>Petunjuk Kod:</u> Kod A. Kawan C. Guru-guru (1) B. Ibubapa D. Intervensi / Program (2)</p>	(D) (C) (D)
4	<p>Apakah perasaan anda menyertai intervensi atau program yang diadakan? Tidak ada yang dirasakan, rasa gembira dan seronok, atau rasa sedih dan kecewa.</p> <p>L6 : Saya berasa gembira dan seronok dapat menyertai program ini kerana banyak aktiviti yang bermanfaat dan beri kesedaran untuk mengubah kesilapan diri yang tidak disedari sebelum ini</p> <p>P9 : Secara jujur, mula-mula saya rasa takut, tapi lama-kelamaan saya rasa seronok pula dapat mengikuti intervensi yang diadakan dan gembira juga lah....sebab dapat belajar banyak tentang sikap dan tingkah laku yang patut dan tidak patut....</p> <p><u>Petunjuk Kod:</u> Kod A. Tidak ada yang dirasakan B. Rasa gembira dan seronok (2) C. Rasa sedih dan kecewa.</p>	(B)  (B)

Daripada data transkrip yang dianalisis menggunakan tema persepsi murid terhadap penggunaan modul kesopanan sebagai asas, Jadual 4.5 menunjukkan dapatan transkrip temu bual berstruktur yang telah diberikan kod dan petunjuk kod ikut tema. Nombor yang diletakkan di hujung kod menandakan kiraan jumlah jawapan yang diberikan setiap subjek kajian. Justeru, dapat disimpulkan bahawa responden mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan modul dalam intervensi yang dijalankan iaitu mereka berpendapat modul dalam intervensi dapat memberi kesan positif, banyak belajar dari aktiviti yang dijalankan, terdorong untuk membuat perubahan, dan akhirnya melahirkan rasa gembira dan seronok kerana mendapat manfaat, serta sedar akan sikap atau tingkah laku yang patut dan tidak patut. Ini bermakna hasil analisis data kualitatif dapat menyokong dapatan kajian ini.

## REFLEKSI DAN CADANGAN TINDAKAN SETERUSNYA

Keberkesanan intervensi (Modul Kesopanan) dalam kajian ini berkemungkinan disebabkan oleh dua faktor. Faktor utama yang diandaikan adalah berpunca daripada pendekatan teori-teori yang telah digunakan oleh penyelidik. Penggunaan unsur strategi-strategi kesopanan dan teknik modifikasi tingkah laku dalam kajian ini dilihat berkesan dalam meningkatkan disiplin diri murid dalam melakukan perubahan sikap dan tingkah laku positif, serta kesedaran murid-murid tentang kepentingan amalan kesopanan dalam kehidupan seharian iaitu yang bersesuaian dengan salah satu daripada matlamat utama Teori Tingkah Laku yang bertujuan agar klien mengubah tingkah laku. Faktor keberkesanan intervensi (Modul Kesopanan) yang berikutnya mungkin disebabkan pelaksanaan bimbingan secara kelompok. Aktiviti kelompok yang dilaksanakan adalah lebih efisien berbanding dengan membimbing secara individu. Aktiviti kelompok menuntut mereka bekerjasama dan bersepakat dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Kelebihan aktiviti yang

dilaksanakan secara kelompok ini menyumbang kepada satu bentuk bantuan dan sokongan kepada murid melakukan perubahan tingkah laku dan dipercayai dapat membentuk perubahan dalam diri individu (Othman, 2006). Praktis aktiviti kelompok sebagaimana dalam kajian ini merupakan satu nilai tambah kepada pelaksanaan Modul Kesopanan yang telah ditambahbaik. Maka adalah relevan sekiranya perubahan sikap dan tingkah laku positif dilakukan berteraskan teori-teori yang diterapkan dan semangat berkumpulan. Pembentukan sikap dan tingkah laku positif dalam diri yang digerakkan dalam kelompok tidak sekadar memupuk amalan yang positif. Malah, bakal menyediakan generasi modal insan yang mampu berdaya saing serta memimpin kelompok besar. Hal ini dapat merealisasikan hasrat KPM dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing dan penghayatan nilai yang tinggi serta mendukung standard moral yang tinggi menjelang tahun 2025. Hasilnya, pembentukan sikap dan tingkah laku positif dan aktiviti membangunkan amalan nilai yang tinggi ini telah menyahut gesaan KPM dalam memantapkan pembangunan dan pengembangan sahsiah murid secara proaktif bermula pada usia muda lagi.

Walaupun kajian Modul Kesopanan ini dilihat berkesan dalam mengatasi isu yang timbul dan meningkatkan sikap dan tingkah laku positif murid, namun kajian ini menerapkan strategi-strategi kesopanan dan teknik modifikasi tingkah laku. Kajian akan datang disarankan agar menggunakan pendekatan teori kaunseling yang berlainan khususnya yang masih kurang diterokai dalam usaha meningkatkan sikap dan tingkah laku positif murid. Selain itu, kajian ini melibatkan seramai 10 orang responden dalam sebuah sekolah menengah harian. Kajian akan datang dicadangkan agar melibatkan lebih ramai responden kajian. Bilangan responden yang lebih tinggi membantu untuk mendapat kesan hasil kesan intervensi yang lebih tinggi. Di samping itu, bagi mengukuhkan dapatan kajian ini, dicadangkan kajian ini diperluas kepada beberapa buah sekolah dan pelbagai jenis sekolah. Kajian ini menggunakan reka bentuk proses Model Kajian Tindakan *Kimmes*, iaitu kaedah bagi membolehkan maklumat diperolehi untuk menjawab masalah kajian yang timbul. Kajian akan datang disarankan menggunakan reka bentuk kajian yang berbeza untuk melihat intervensi terhadap sikap dan tingkah laku sopan, seperti kajian *experimental* atau kajian *longitudinal*. Maka hasil kajian akan datang bakal menyumbang maklumat dan ilmu pengetahuan tentang intervensi, sikap dan tingkah laku yang lebih terperinci dan mendalam. Tambahan, kajian ini hanya mengambil masa selama tiga minggu selepas intervensi dijalankan. Untuk mengetahui kesan dalam jangka masa panjang, pada masa akan datang penyelidik dicadangkan untuk melaksanakannya dalam jangka masa lebih panjang iaitu beberapa bulan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan intervensi menggunakan modul kesopanan. Dalam jangka masa panjang tersebut, kesan intervensi dapat diketahui sama ada dapat dikekalkan ataupun memerlukan strategi susulan. Tuntasnya, dapatan kajian ini akan dapat membantu para Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) bagi menangani murid yang dirujuk kerana terlibat dalam masalah disiplin, khususnya salah laku kurang sopan.

## **KESIMPULAN**

Hasil kajian ini jelas menunjukkan telah dapat melihat isu yang timbul daripada penggunaan modul kesopanan yang dibina oleh pihak KPM dan telah ditambahbaik dengan penerapan Teori Kesopanan dan Teori Tingkah Laku yang difikirkan sesuai. Sementara itu, dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa pelaksanaan modul kesopanan yang telah ditambahbaik dapat mengurangkan kekerapan salah laku kurang sopan murid, meningkatkan disiplin diri murid dalam melakukan perubahan sikap dan tingkah laku ke arah lebih positif, dan juga meningkatkan kesedaran murid-murid tentang kepentingan amalan kesopanan dalam kehidupan seharian, serta disokong oleh respons persepsi yang positif terhadap penggunaan modul dalam intervensi yang

dijalankan. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa hasil dapatan kajian ini telah berupaya menjelaskan persoalan kajian dan telah menjawab tujuan serta objektif kajian ini.

Kajian ini memberikan impak yang besar, terutama kepada GBK yang berminat untuk menggunakan Pendekatan Modifikasi Tingkah Laku dalam melaksanakan intervensi kaunseling. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pendedahan tentang modul kesopanan yang telah ditambahbaik dengan lebih baik, mempelbagaikan modul atau intervensi dalam proses menolong, dan seterusnya memantapkan amalan GBK terutama semasa mengintegrasikan teori dan amalan selain meningkatkan kefahaman tentang masalah salah laku kurang sopan. Pemahaman tentang teori ini sudah tentu dapat meningkatkan profesionalisme GBK, terutamanya dalam bidang kaunseling. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberikan input yang bermakna kepada pihak KPM untuk membina rangka kursus atau latihan yang lebih berkesan agar dapat dimanfaatkan oleh GBK, dan yang lebih penting dapat mengubah sikap dan tingkah laku murid-murid sekolah daripada membuat keputusan yang merugikan kepada mengambil tindakan yang berfaedah untuk diri dan masa depannya. Oleh yang demikian, murid-murid yang terlibat dalam masalah disiplin dapat dibantu pada peringkat awal lagi, lantaran itu dapat menyumbang kepada pembangunan dan bukan menjadi bebanan kepada sesebuah negara.

## RUJUKAN

- Adisasmita Rahardjo. (2011). *Pengelolaan pendapatan dan anggaran daerah*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Aslina Ahmad. (2013). *Kesan intervensi psiko-pendidikan terhadap tingkah laku murid sekolah menengah oleh guru bimbingan dan kaunseling*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ayu Sri Juniariasih, N Dantes & NM Setuti. (2013). Kajian tindakan: Penerapan kaunseling tingkah laku dengan teknik modeling untuk meningkatkan kecerdasan emosi pelajar terhadap kelas XAP1 SMK Negeri 1 Seririt, Kabupaten Buleleng. FIP, Universitas Pendidikan Ganesha Singaraja, Indonesia. *Jurnal Ilmiah Bimbingan dan Kaunseling*, 1 (1).
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM (2008). *Buku Manual Kajian Tindakan*, Edisi Ketiga. Putrajaya.
- Brown, P. & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Carly Gabrielle. (2013). *Politeness in conflict: identity management and politeness Strategies used during a conflict*. University of Michigan.
- Che Nor Ihsan Che Mamat. (2016, Mei). *Permasalahan dalam Pemahaman Model Kajian Tindakan*. Dimuat turun daripada <http://cikgunorihsani92.blogspot.my/2016/05/blogpost.html>
- Corey, G. (2000). *Theory and practice of counseling and psychotherapy*. (6<sup>th</sup> Ed.). London, UK: Brooks/Cole.
- Corey G. (2009). *Theory and practice of group counseling*. Ed 8th. USA: Thomson Learning.
- Corey, G. (2012). *Theory and practice of group counseling*. 9th Edt. Belmont, C.A: Brooks/Cole.
- Depdiknas. (2008). Penulisan Modul. Jakarta: Direktorat Tenaga Kependidikan Ditjen PMPTK
- Hassan Rasouli. (2013). Kesopanan di luar negara. *International Research Journal of Applied and Basic Sciences*, 5 (3), 324-333.
- Hidayah N.I, Hanafiah M.S, Idris M.N, Rosnah S., Haslina M., Azlin P., Ibrahim N.M., dan Normah C.D. (2005). Keberkesanan program interventie remaja dikalangan remaja berisiko di tiga buah penempatan pembangunan tanah di semenanjung Malaysia. Jabatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia. *Journal of Public Health Medicine*, 5 (1), 10-15.
- Ita Roshita. (2015). Upaya meningkatkan perilaku sopan santun melalui perkhidmatan bimbingan kelompok dengan teknik sosiodrama. *Jurnal Penelitian Tindakan Bimbingan dan Kaunseling*, 1 (1), 2442-9775.

- K.Shoba A/P C. Karuppaya. (2007). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan Disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di Johor. Kertas projek Sarjana yang tidak diterbitkan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat.* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.* Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Modul program pembangunan sahsiah diri dan disiplin murid. fokus salah laku kurang sopan.* Kuala Lumpur: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 12 tahun 2012: Perekayasaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.* Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.
- Kunyarut Getkham. (2014). Politeness strategies in thai graduate research paper Discussions: implications for second/foreign language academic writing. National Institute of Development Administration (NIDA), Bangkok, Thailand. *Journal of English Language Teaching*, 7 (11).
- Mahzam Saad. (2013). *Kesan pendekatan kognitif tingkah laku dalam kaunseling kelompok terhadap kebimbangan sosial dan perhatian fokus sendiri remaja.* Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Maria Salih. (2016). *Bagaimana menjalankan kajian tindakan.* Tg.Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Melati Sumari, Ida Hartina Ahmed Tharbe, Norfaezah Md Khalid & Azmawaty Mohamad Nor (2014). *Teori kaunseling dan psikoterapi.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Miles, M.B. dan Huberman, A.M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook.* 2nd Ed. Thousand Oaks. Calif: Sage
- Mohd Fadli Mustafa Kamal, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mohd Mokhtar Tahar. (2016). *Penggunaan teknik peneguhan bagi mengatasi masalah tingkah laku hiperaktif.* Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke-6. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Tarmidzi Sazali. (2014). *Mengurangkan masalah tingkah laku negatif Murid Sindrom Down dan Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) menggunakan Kaedah Pokok Ganjaran Melalui Penggunaan Token.* Seminar Penyelidikan Tindakan 2014, Jilid 2-2, Jabatan Pendidikan Khas, Kuala Lumpur.
- Noraini Ismail. (2015). *Teori kaunseling lanjutan.* Tg.Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurdin Usman. (2002). *Konteks implementasi berbasis kurikulum.* Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Nurul Haslin Zainol. (2010, Mac). *Teori dalam kaunseling, komponen utama dalam teori behaviorisme, tingkah laku maladaptif.* Dimuat turun daripada <http://lynnbretta.blogspot.my/2010/03/teori-dalam-kaunseling-komponen-utama.html>
- Pak Yoep. (2014, Oktober). *Teknik modifikasi tingkah laku – peneguhan.* Dimuat turun daripada <http://alkindi10autisme.blogspot.my/2014/10/teknik-modifikasi-tingkah-laku-peneguhan.html>
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR/KBSM.* Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Puspa Devi A/P Lokanathan. (2015). *Disiplin Pelajar di SMK Bandar Utama Damansara 4, Petaling Jaya.* Kertas projek Diploma yang tidak diterbitkan. Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Robert L. Masson, Ed E. Jacobs, Riley L. Harvill and Christine J. Schimmel. (2012). *Group counseling: interventions and techniques, seventh edition, international edition.* Canada: Brooks/Cole, Cengage Learning.
- Rochayaton Dwi. (2015). *Teknik modeling dalam bimbingan kelompok untuk Meningkatkan belajar berdikari pelajar SMA Negeri 3 Yogyakarta.* Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. FDK. Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia.
- Saayah Abu Ramli. (2008). *Menjadi guru tadika.batu caves.* Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

- Sachiko Kiyama, Katsuo Tamaoka, and Masato Takiura. (2012). *Applicability of Brown and Levinson's Politeness Theory to a Non-Western Culture: Evidence from Japanese facework behaviors*.  
Corresponding Author: Sachiko Kiyama, National Center for Geriatrics and Gerontology, Aichi, Japan.
- Sapora Sipon. (2003). *Pengenalan kaunseling kelompok*. Malaysia: Mc Graw Hill Sdn. Bhd.
- Sapora Sipon. (2015). *Kaunseling kelompok edisi 3*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). Psikologi Pendidikan II. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Che Man, Munir Shuaib, Razif Muhd & Sarjit Kaur. (2012). Kesedaran dan Amalan Kesopanan dalam Kalangan Remaja Malaysia: Menilai Sumbangan Teori Kesopanan Brown Levinson. *Makalah Akademika* 82 (2), 81-85.
- Syamsudin. (2005). Psikologi Pendidikan dan Perkembangan. Yogyakarta: Rineka Cipta 2.
- Titi Nuryanti. (2014). *Analisis kesopanan berbahasa pada anak 6-10 tahun di Desa Lumbir Kecamatan Lumbir Kabupaten Banyumas*. Skripsi Sarjana yang tidak diterbitkan. FKIP, Universitas Muhammadiyah Purwokerto, Indonesia.
- Van Der Bom, Isabelle & Grainger, Karen (2015). Journal of Politeness Research: Introduction. *Journal of Politeness Research*, 11 (2), 165-178.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009). Parameter kesopanan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja: analisis pragmatik. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Dimuat turun daripada <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/108-Zaitul-Azma-UPM-Parameter-Kesopanan-.-.pdf>
- Zalina Katman, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mohd Mokhtar Tahar. (Agos, 2016). *Penggunaan peneguhan positif: Pujian dan token ekonomi untuk modifikasi tingkah laku murid pendidikan khas 'slow learner'*. Universiti Teknologi Malaysia. Dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/publication/311105655\\_Penggunaan\\_Peneguhan\\_Positif\\_Pujian\\_dan\\_Token\\_Ekonomi\\_untuk\\_Modifikasi\\_Tinghahlaku\\_Murid\\_Pendidikan\\_Khas\\_'Slow\\_Learner'](https://www.researchgate.net/publication/311105655_Penggunaan_Peneguhan_Positif_Pujian_dan_Token_Ekonomi_untuk_Modifikasi_Tinghahlaku_Murid_Pendidikan_Khas_'Slow_Learner')